



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL. 2/2024**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**

**21 JUN 2024 (JUMAAT)**  
**10.30 PAGI**

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT**  
**MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**Pn Normahani Binti Muhammad**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

\*\*\*\*\*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, pertama dan terutamanya marilah sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama untuk berhimpun di hari yang cukup bermakna ini dalam **Perhimpunan Korporat Bandaraya Bil. 2/2024**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga kerja MBSP yang hadir pada pagi ini. Segala kerjasama dari pihak warga kerja MBSP amatlah saya hargai.
3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Pengerusi-Pengerusi Persatuan yang bernaung di bawah MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.
4. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia dan semua jabatan yang terlibat dalam menjayakan Majlis pada hari ini. Pastinya komitmen dan kerjasama semua kakitangan diperlukan

untuk memastikan perhimpunan pada pagi ini dapat dijalankan dengan lancar. Sesungguhnya perhimpunan ini merupakan satu platform yang amat wajar dalam memastikan hasrat dan aspirasi MBSP dapat disampaikan kepada seluruh warga kerja MBSP.

5. Di kesempatan ini juga tidak terlambat rasanya, untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha. Semalam, 20 Jun 2024 (Khamis), PERMAI yang diketuai oleh Encik Mohd Nizam bin Md Shariff, telah melaksanakan ibadat qurban di Rumah Penyembelihan, Kampung Guar Kepayang, Sg Dua. Sebanyak tiga (3) ekor lembu dikorbankan dan seramai 10 orang kakitangan Majlis yang telah melaksanakan korban tersebut. Daging Qurban itu telah diagihkan kepada para asnaf dan kakitangan muslim di MBSP.
6. Mentadbir sebuah organisasi Pihak Berkuasa Tempatan adalah sama seperti mentadbir satu badan korporat. Saya menyanjung tinggi kesungguhan semua warga kerja MBSP di pelbagai peringkat yang sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan Tahniah dan Syabas kepada semua warga kerja MBSP atas usaha-usaha dan pencapaian-pencapaian yang hebat dan memberangsangkan di dalam dan luar negeri selama ini.
7. Untuk makluman semua, kutipan hasil cukai sehingga 15 Jun 2024 adalah sebanyak RM134.4 juta iaitu meningkat sebanyak RM13.2

juta berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Kutipan hasil bukan cukai sehingga 15 Jun 2024 adalah sebanyak RM40 juta iaitu meningkat sebanyak RM4.8 juta berbanding tempoh yang sama tahun 2023.

8. Di samping itu, semasa Lawatan Program Sentuhan Kasih Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini iaitu pada 11 Jun 2024, kita telah menerima tambahan peruntukan sebanyak RM2 juta untuk menaiktaraf Tingkat 1, Pasar Awam Bukit Panchor menjadi Dewan Komuniti Bukit Panchor Seberang Perai Selatan, menaiktaraf bumbung dan kemudahan lain di Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan, pembinaan Gelanggang Bola Keranjang di Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan dan menaiktaraf lanskap dan lain-lain kerja berkaitan di Taman Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan. Peruntukan ini merupakan untuk keselesaan penduduk setempat.
9. Pada 22 Februari 2024, MBSP menerima Anugerah Perak bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 daripada Institut Integriti Malaysia (IIM). Anugerah ini mengukur komitmen, usaha serta keberkesanan inisiatif integriti terhadap budaya integriti dan tatakelola serta menjadi penanda aras terbaik sebagai organisasi awam.

10. Pada 08 Mac 2024 pula Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mendapat pengiktirafan tiga (3) Bintang melalui Pengauditan Persijilan Semula Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti (5S) oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang diaudit pada 04 Disember 2023. Penyampaian perkhidmatan MBSP menjadi lebih efisien dan berkesan dari aspek penambahbaikan proses kerja jabatan.
11. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua kakitangan MBSP di atas komitmen dan usaha dalam menghantar permohonan Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2023 dan sukacita dimaklumkan yang kita telah berjaya melepasi Penilaian Anugerah peringkat pertama. Penilaian peringkat ke dua akan dijalankan pada 25 Jun 2024 ini di MBSP. Saya berharap agar MBSP akan memenangi anugerah ini. InsyaAllah.
12. Saya ingin memaklumkan bahawa selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) peringkat MBSP Bil. 1/2024 pada 21 Mac 2024, pegawai dan kakitangan MBSP kini adalah **DILARANG** sama sekali untuk memberi dan menerima sebarang bentuk hadiah daripada pihak luar yang mempunyai hubungan rasmi dengan MBSP. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta dan tindakan tatatertib boleh diambil sekiranya arahan ini diabaikan.

13. Selaras dengan Dasar "*No Gift Policy*", MBSP komited untuk menjamin dan mempertingkatkan integriti pengurusan dan kakitangan mengikut peraturan dan undang-undang yang digunapakai bagi mengekang aktiviti suapan dan sogokan bagi menjaga kepentingan kakitangan serta stakeholder dalam mencapai Misi dan Visi MBSP. Semua pegawai dan kakitangan MBSP adalah diingatkan untuk tidak terjebak dalam konflik "terhutang budi" dengan pihak luar yang berurusan dengan MBSP sehingga berkemungkinan boleh mempengaruhi keputusan serta melangkaui SOP kerja yang telah ditetapkan. Dasar ini adalah bertujuan untuk memastikan semua kakitangan tidak terlibat dengan salah laku atau amalan suapan dan tindakan tatatertib boleh diambil mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan Dan Tatatertib) 1995.
14. Semua Ketua Jabatan dan pegawai kanan MBSP diminta untuk menghebahkan maklumat ini kepada semua kakitangan di bawah seliaan masing-masing dan mengambil tindakan pencegahan sewajarnya bagi menjaga nama baik MBSP serta pada masa yang sama dapat meningkatkan keyakinan rakyat untuk berurusan dengan MBSP kelak.
15. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru warga kerja MBSP agar terus berkhidmat dengan bersemangat dan keazaman yang

tinggi dalam memajukan MBSP dan memastikan penyampaian perkhidmatan sampai kepada kumpulan sasaran.

16. Saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP yang hadir dan memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program pada hari ini.
17. Dengan ini, saya, Datuk Bandar Seberang Perai ingin memaklumkan bahawa hari ini, adalah merupakan hari terakhir saya melaksanakan tugas saya sebagai Datuk Bandar di Majlis Bandaraya Seberang Perai.
18. Di kesempatan ini, saya ingin memohon ampun dan maaf kepada Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan, warga kerja MBSP, wira-wira oren dan seluruh warga Seberang Perai, sekiranya ada tersalah kata, terkasar bahasa dan laku sama ada sengaja atau tidak sengaja di sepanjang tempoh menerajui Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Andai langkah membekas lara,  
Ada kata menusuk sukma,  
Ada tingkah menoreh luka,  
Maka maafkanlah kesilapan saya.



Semoga MBSP terus cemerlang di bawah kepimpinan Datuk Bandar yang baru.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***